



**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN**

MDBG.700-13/2/5 JLD.2(50)
11 Ogos 2026

**NOTIS LELONGAN
HAIWAN YANG DISITA
(NO.BILANGAN NOTIS LELONGAN: 14/2026)**

Berdasarkan Undang-undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (MDBG) 2012 dengan arahan Yang Dipertua akan melaksanakan notis lelongan awam untuk melupuskan haiwan tersebut sebagaimana berikut:-






No. Penanda	Jenis haiwan	Jantina	Harga Rezab (RM)
244	Lembu	Jantan	RM3,000.00
245	Lembu	Jantan	RM2,700.00
246	Kerbau	Betina	RM2,800.00
247	Kerbau	Jantan	RM3,000.00
248	Kerbau	Betina	RM2,500.00

1. Lawatan tapak untuk sebut harga ini **TIDAK DIWAJIBKAN** berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
2. Syarat-syarat am kelayakan pemohon adalah seperti berikut:
 - 2.1 Terbuka kepada penternak atau penjual daging yang berada di luar daerah Kinta;
 - 2.2 Memiliki syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - 2.3 Mengemukakan salinan kad pengenalan yang menunjukkan tempat bermastautin semasa dan
 - 2.4 Mengemukakan salinan bil utiliti (elektrik dan air)
3. Tuan/Puan yang berminat boleh memuat turun borang tawaran sebut harga di laman sesawang rasmi Majlis Daerah Batu Gajah www.mdbg.gov.my dan laman social rasmi Majlis Daerah Batu Gajah.
4. Tarikh tutup notis lelongan adalah pada **13 OGOS 2026 (KHAMIS) jam 12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul berlakri dan ditanda No. Notis Lelongan dan dihantar melalui pos atau dimasukkan kedalam **PetiSebut Harga di JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**.
6. Pemohon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi isyarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga yang disyorkan.

8. Sebarang pertanyaan berhubung syarat-syarat dan perkara berkaitan boleh menghubungi Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Batu Gajah di talian 05-3632020 (ext. 1042/1049)



(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Batu Gajah



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUTHARGA

Majlis Daerah Batu Gajah adalah tidak terikat untuk menerima Notis Lelongan yang terendah atau mana-mana Notis Lelongan atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Notis Lelongan. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga dan Tender Majlis Daerah Batu Gajah adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN NOTIS LELONGAN

2.1 Penyediaan Notis

2.1.1 Penyebut harga adalah dikehendaki mematuhi kelayakan yang ditetapkan dengan mengisi borang dan mengemukakan dokumen – dokumen seperti berikut:

- a) Terbuka kepada penternak atau penjual daging yang berada di luar daerah Kinta dan memiliki syarikat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- b) Salinan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih dalam tempoh sah
- c) Salinan kad pengenalan yang menunjukkan tempat bermastautin semasa
- d) Salinan bil utiliti (elektrik dan air)
- e) Deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran atau RM5,000 mengikut mana yang terendah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank sahaja atas nama MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

2.1.2 Melengkapkan Senarai Semak (Lampiran A).

2.1.3 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas di atas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Notis Lelongan

2.2.1 Dokumen Notis Lelongan yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan No. Bilangan serta tajuk Notis Lelongan dan hendaklah dimasukkan ke dalam

peti Sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Iklan Notis Lelongan.

2.2.2 Jika Dokumen Lelongan tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

2.2.3 Notis Lelongan yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sebarang pertanyaan berhubung syarat-syarat dan perkara berkaitan boleh menghubungi Jabatan Penguatkuasaan Majlis Derah Batu Gajah di talian 05-3632020 (ext. 1042/1049).

3. SYARAT- SYARAT NOTIS LELONGAN UNTUK PENYEBUT HARGA

3.1 Haiwan akan dijual tertakluk kepada harga rezab.

3.2 Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan **deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran atau RM5,000 mengikut mana yang terendah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank sahaja** atas nama **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**.

3.3 Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

3.4 Semua perbelanjaan berkaitan pembelian haiwan seperti kos mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

3.5 Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh pada hari pengambilan haiwan. Haiwan tersebut hendaklah diambil dalam tempoh tidak lebih daripada 24 jam selepas tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut atau penyebut harga berjaya menolak tawaran, deposit notis lelongan tidak akan dikembalikan.

3.6 Pentadbiran ini tidak bertanggungjawab ke atas haiwan yang telah dijual.

4. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN

4.1 Dokumen Notis Lelongan adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Dokumen pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen itu.

SENARAI SEMAK

NO. BILANGAN: ____/2024
NOTIS LELONGAN HAIWAN YANG DISITA

Sila tandakan ✓ bagi dokumen-dokumen yang disertakan:

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Borang Notis Lelongan (BORANG/MDBG/PERB/04/2022) telah diisi dengan lengkap (termasuk harga) dan ditandatangani		
2.	Salinan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih dalam tempoh sah		
3.	Salinan kad pengenalan yang menunjukkan tempat bermastautin semasa		
4.	Salinan bil utiliti (elektrik dan air)		
5.	Deposit notis lelongan sebanyak 5% daripada harga tawaran atau RM5,000 mengikut mana yang terendah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank sahaja atas nama MAJLIS DAERAH BATU GAJAH .		
6.	Lain-lain sekiranya ada		

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen notis lelongan. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : No. Kad Pengenalan : Tarikh : Cap syarikat :	Jawatankuasa Pembuka Notis Lelongan mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada) Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :



BORANG NOTIS LELONGAN HAIWAN YANG DISITA

(Nama dan alamat penyebut harga)

Kepada:

Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab
31000 Batu Gajah
Perak Darul Ridzuan

Tuan,

TAWARAN UNTUK NOTIS LELONGAN BIL. ____/2024

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai lelongan tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Haiwan/No. Penanda Haiwan	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)

3. Bersama-sama ini disertakan deposit notis lelongan (sebanyak 5% daripada harga tawaran seperti di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia_____)

dalam bentuk Wang Pos/Draf Bank, No. _____ atas nama

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.

4. Dengan ini, saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cap Syarikat :

No. Telefon :

Alamat kandang :

.....

Tarikh :